



02 JUL, 2024

## SELAMBA BAWA RM600,000

Harian Metro, Malaysia



NORLELA (tiga dari kanan) ketika sidang media berkaitan sindiket pengedaran dadah bernilai RM3.2 juta dan cubaan membawa keluar matawang hampir 700 ribu Ringgit Malaysia di Sepang. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
 hafidzul@hmetro.com.my

**Sepang**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas wang tunai lebih RM600,000 yang cuba dibawa keluar seorang lelaki warga asing tanpa ikrar di balai pelepasan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, 13 Jun lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, penumpang yang hendak menaiki pesawat ke sebuah negara di Timur Tengah itu ditahan Pasukan Operasi Bahagian Pe-

# SELAMBA BAWA RM600,000

*Pengembara berusia 60-an ditahan cuba bawa keluar wang ringgit Malaysia, Singapura tanpa ikrar*

nguatkuasan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah dengan kerjasama pasukan Aviation Security (Avsec).

Menurutnya, pengembara berusia lingkungan 60-an itu ditahan susulan pemeriksaan pada bagasi dibawanya.

"Pemeriksaan rapi menemui mata wang ringgit berjumlah RM572,563 dan SGS24,500 (kira-kira RM85,158).

"Siasatan masih dijalankan untuk mengenal pasti sumber wang tunai milik lelaki dipercayai pengarah sebuah syarikat di luar negara itu," katanya pada sidang media di Pejabat Perkastaman Kargo KLIA di sini, semalam.

Norlela berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 28B Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLAFTPUAA) 2001 kerana lelaki itu tidak membuat pengikraran ke atas amaun wang tunai yang hendak dibawa keluar dari Malaysia.

Katanya, lelaki itu juga melanggar Peraturan 55(1)(b)

Peraturan Kastam 2019.

Menurutnya, pengembara yang ingin membawa keluar sejumlah besar wang tunai dan instrumen boleh niaga perlu mengikrarkan menggunakan Borang Kastam No 7.

"Ikrar ini perlu sekiranya amaun melebihi atau bersamaan nilai AS\$10,000.

"Selain itu, kelulusan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mata wang ringgit Malaysia perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum dibawa keluar dari Malaysia," katanya.

Beliau memaklumkan kes itu adalah kes kedua yang diperoleh JKDM Zon Tengah dan meminta orang ramai supaya membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan



WANG tunai lebih RM600,000 yang cuba dibawa keluar lelaki warga asing tanpa ikrar.



02 JUL, 2024

## SELAMBA BAWA RM600,000

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 3



**“Siasatan  
 masih dijalankan  
 untuk mengenal  
 pasti sumber  
 wang tunai  
 milik lelaki  
 dipercayai  
 pengarah sebuah  
 syarikat di luar  
 negara itu”**

*Penolong Ketua Pengarah  
 Kastam Zon Tengah,  
 Norlela Ismail*

tidak membabitkan diri dengan aktiviti penyeludupan. “Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat,” katanya.



02 JUL, 2024

## SELAMBA BAWA RM600,000

Harian Metro, Malaysia



Page 3 of 3

### SUMMARIES

NORLELA (tiga dari kanan) ketika sidang media berkaitan sindiket pengedaran dadah bernilai RM3.2 juta dan cubaan membawa keluar matawang hampir 700 ribu Ringgit Malaysia di Sepang. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

S epang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas wang tunai lebih RM600,000 yang cuba dibawa keluar seorang lelaki warga asing tanpa ikrar di balai pelepasan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, 13 Jun lalu.